

BERITA HARIAN

DATE: 3/12/2010

**Asia mesti
halang
ekstremisme** *BH 3-12-2010*

A SIA tidak boleh membenarkan ekstremisme dan keganasan merampas perjuangan rakyat bagi menentukan hala tuju negara masing-masing, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pendekatan kesederhanaan mesti menjadi suara dominan, manakala kerjasama dan perundingan perlu dijadikan pilihan utama berbanding permusuhan dan konfrontasi.

Katanya, parti politik mesti mengelak daripada mengambil laluan ekstremisme walau apa pun perjuangan mereka kerana ruang penyelesaian konflik secara aman sentiasa ada dan tiada faedahnya jika keuntungan politik jangka pendek mengorbankan keamanan serta keharmonian negara dan rantau.

"Apa lebih penting adalah kesejahteraan rakyat, pengekalan nilai, budaya dan cara hidup mereka.

"Pada era maklumat dan teknologi, parti politik yang paling popular adalah mereka yang berubah mengikut masa dan menyesuaikan diri dengan kehendak rakyat," katanya ketika menyampaikan ucap tama pada Perhimpunan Agung Ke-6 Persidangan Antarabangsa Partiparti Politik Asia (ICAPP) di sini, semalam.